

25/05/2003

Boleh atasi krisis MCA (HL)

Mutazar Abd Ghani; Maznah Darus; Mohd Anwar Patho Rohman
GEORGETOWN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya pelantikan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy, masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden baru MCA, mampu menyelesaikan masalah dalaman parti itu.

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) menyambut baik pelantikan itu dan berharap kedua-dua pemimpin itu dapat mengukuhkan perpaduan MCA yang dilanda krisis kepemimpinan.

Beliau yang juga pengerusi BN yakin Ong dan Chan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka kerana walaupun agak muda, kedua-duanya mempunyai banyak pengalaman dalam parti dan kerajaan.

"Ya, mereka muda tetapi mempunyai banyak pengalaman, mereka sudah lama berada dalam parti dan sudah biasa bekerja dalam kerajaan," katanya kepada pemberita di sini semalam apabila diminta mengulas mengenai pelantikan itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dua hala dan makan tengah hari dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkhiah yang melakukan lawatan tiga hari ke Pulau Pinang di Hotel Eastern & Oriental.

Jawatankuasa Pusat MCA membuat pelantikan itu kelmarin setelah gagal memujuk Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek supaya menarik balik peletakan jawatan masing-masing.

Ong, 47, naib presiden dan ahli majlis presiden MCA ialah penyokong Dr Ling yang dikenali sebagai kumpulan A, manakala Chan, 48, juga naib presiden dan ahli majlis berkenaan, dikatakan penyokong Lim dari kumpulan

B.

Pelantikan mereka berkuat kuasa serta-merta sehingga pemilihan MCA itu dikatakan jalan penyelesaian terhadap krisis kepemimpinan parti itu apabila Dr Ling dan Lim tidak lagi sehaluan.

Sambil menegaskan BN menerima pelantikan Ong dan Chan itu kerana ia adalah keputusan MCA, Dr Mahathir berkata, bagi BN cuma ada satu MCA.

"Bagi kita tidak ada dua MCA, cuma ada satu. Kita tidak iktiraf A atau B. Yang kita tahu sekarang ini ada seorang presiden baru MCA dan timbalan presiden baru bagi MCA. Dan bagi kita ini adalah MCA.

"Saya harap mereka (Ong dan Chan) boleh (menangani masalah dalaman MCA)

dan kita tidak kenal A, B, C, D," katanya.

Ditanya sama ada Dr Ling akan dikekalkan sebagai Menteri Pengangkutan, Dr Mahathir berkata beliau akan memikirkan mengenai kedudukan bekas presiden MCA itu dalam Kabinetnya.

"Kita fikirlah tengok," kata beliau.

Menjawab soalan sama ada jalan penyelesaian terhadap kemelut kepemimpinan MCA itu benar-benar berkesan untuk merapatkan kembali barisan

parti itu, Dr Mahathir berkata beliau berharap ia dapat mengukuhkan MCA.

"Harap ia bolehlah, tapi bagi kita, kita anggap ini sebagai masalah

dalam bagi MCA," katanya.

Ditanya kemungkinan pengaruh samseng dalam MCA akan berakhir berikutan keputusan jawatankuasa pusat parti itu, beliau berkata:

"Itu saya tidak tahu, apabila saya jumpa dengan mereka (ahli MCA), tak nampak samseng pun. Atau mungkin saya tak kenal kot".

Sama ada penyelesaian krisis MCA itu merintis jalan kepada pilihan raya

umum diadakan lebih cepat dari tempohnya tahun depan, secara berseloroh
Dr

Mahathir berkata:

"Pilihan raya boleh dipercepatkan, kalau hendak cepat kita buat cepat, kalau nak lambat kita buat lambat."

Mengenai sama ada BN sudah bersedia mengadakan pilihan raya selepas persaraan beliau, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada Perdana Menteri

yang baru ketika itu iaitu timbalannya sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi.

"Apabila saya berhenti, ia bukan lagi tanggungjawab saya, tanyalah Pak Lah, buat apa tanya saya." katanya.